



i-MODUL KEMECERLANGAN SPM SMKA DAN SABK 2023

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023 (SET 1)

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

Kertas 2

Okt./Nov.

 $2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya tidak mencukupi, anda boleh mendapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian, tulis jawapan yang baharu.*
5. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helian yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Ceraikan kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan daripada kertas peperiksaan ini. Ikat bersama dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
9. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan dan Angka Giliran di setiap kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 34 halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan andaian, prinsip dan batasan perakaunan bagi situasi berikut:
- (i) Syarikat Mawar Sdn. Bhd. membuat keputusan untuk membeli sebuah mesin yang lebih canggih dan dijangka lebih menjimatkan kos penyelenggaraan mesin untuk beberapa tahun akan datang.
- (ii) Pada tahun 2020, Kedai Kek Alia telah membuat pembelian kenderaan untuk operasi perniagaannya bernilai RM80 000. Nilai semasa kenderaan tersebut pada tahun 2023 ialah RM56 000, tetapi masih direkodkan dengan nilai RM80 000 dalam Penyata Kedudukan Kewangan semasa.

[2 markah]

- (b) Pada 1 Jun 2023, ketua juruwang Perniagaan Zaara Enterprise telah mengeluarkan cek RM300 sebagai dana tunai runcit bagi bulan tersebut. Sepanjang bulan Jun, RM145 telah digunakan untuk perbelanjaan runcit.

Berapakah bayaran balik dana tunai runcit pada 1 Julai 2023?

[1 markah]

- (c) Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Mutiara Berhad pada 1 Januari 2023.

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
1 500 000 unit 6% Syer Keutamaan	2 250 000
1 000 000 unit Syer Biasa	1 000 000
	3 250 000
	3 250 000

Pada 31 Julai 2023, lembaga pengarah syarikat telah mengisytiharkan Dividen Interim kepada pemegang Syer Keutamaan dan RM0.10 sesyer bagi Syer Biasa.

Berapakah jumlah Dividen Interim?

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Aini yang tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

Baki pada 1 Januari 2022:	RM
Bank	10 000
Kenderaan	10 500
Akaun Belum Terima	1 000
Kadar bayaran belum bayar	800
Baki pada 31 Disember 2022:	
Modal akhir	24 900

Berapakah untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Aminah dan Amira pada 31 Disember 2022.

	RM
Untung Bersih	5 680
Faedah atas ambilan	80
Faedah atas modal	1 600

Untung atau rugi perkongsian dibahagi sama rata antara rakan kongsi.

Berapakah untung setiap pekongsi?

[3 markah]

2. Butik Syaza merupakan sebuah perniagaan menjual pelbagai jenis pakaian yang beroperasi di Bandar Jasin, Melaka. Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku perakaunan Butik Syaza pada 30 Jun 2022.

Butik Syaza		
Imbangan Duga pada 30 Jun 2022		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Inventori pada 1 Julai 2021	40 500	
Modal		112 600
Premis	100 000	
Alatan Pejabat	20 400	
Kenderaan	47 400	
Susut nilai Berkumpul Alatan Pejabat		8 500
Susut Nilai Berkumpul Kenderaan		4 500
Belian dan Jualan	65 200	182 510
Pulangan	1 620	1 500
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	28 600	26 110
Gaji	27 890	
Ambilan	7 000	
Tunai	1 280	
Bank	8 810	
Peruntukan Hutang Ragu		1 600
Insurans	12 600	
Kadar bayaran	5 400	
Komisen		380
Pinjaman bank 7% (matang 30 April 2027)		29 000
	366 700	366 700

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2022 dinilai RM46 780 pada harga kos dan RM49 745 pada harga pasaran.
- (ii) Kenderaan disusut dinilai pada kadar 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

- (iii) Alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 10% setahun menggunakan kaedah ansuran tetap. Sebuah mesin pencetak bernilai RM5 000 dibawa masuk pada 1 Januari 2022.
- (iv) Pulangan belian RM500 tertinggal rekod.
- (v) Hutang yang dihapuskan sebanyak RM200 diterima semula secara tunai.
- (vi) Peruntukan Hutang Ragu adalah 5% atas Akaun Belum Terima.
- (vii) Komisen belum terima RM1 440.
- (viii) Pinjaman bank sebanyak RM30 000 diperoleh pada 30 April 2022.
- (ix) Dokumen berikut belum direkodkan dalam buku perniagaan.

MEMO

Kepada: Kerani Akaun
Daripada: Puan Syaza

Tarikh: 30 Jun 2022

Perkara

Sepanjang tahun perakaunan, saya telah menggunakan wang peribadi untuk membayar angkutan belian RM800.

Perkara ini masih belum direkod di dalam mana-mana buku.

SYAZA
Pengurus

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022. [12 markah]

3. Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku perakaunan Kelab Pengembara Hutan yang terletak di Taman Kota Puteri, Selangor.

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Lengkapan	8 000	15 000
Inventori kiosk burger	3 200	2 400
Akaun Belum Terima kiosk burger	2 000	2 600
Yuran Belum Terperoleh	400	1 200
Yuran Belum Terima	1 300	1 500
Kadar bayaran Belum Bayar	200	400
Akhbar dan majalah Prabayar	-	200

Maklumat penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Penerimaan:	RM
Baki b/b	42 000
Yuran Ahli 2021	450
Yuran Ahli 2022	55 000
Yuran Ahli 2023	1 200
Yuran Masuk	2 000
Derma untuk membina dewan mini	7 000
Jualan kiosk burger	14 600
Sewa bilik penginapan rumah kelab	2 100
Yuran pertandingan memancing	6 000
Akaun Belum Terima kiosk burger	3 500
Pembayaran:	RM
Upah pekerja kiosk burger	1 500
Akhbar dan majalah	450
Insurans kelab	2 400
Kadar bayaran	1 600
Hadiah pertandingan memancing	3 600
Belian kiosk burger	5 500
Lengkapan	9 000
Sewa rumah kelab	3 600

Maklumat tambahan:

- (i) Yuran ahli tahun 2021 yang masih belum terima dihapuskan sebagai yuran lapuk.
- (ii) Kelab Pengembara Hutan telah memberi sumbangan derma sebanyak RM1 000 kepada anak yatim.
- (iii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan modal.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran. [5 markah]
- (b) Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2022. [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan Kiosk Burger bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [4 markah]
- (d) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [9 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 (Dana Terkumpul sahaja). [4 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

4. Puan Jenny ialah pemilik Butik Idamanku yang membekalkan peralatan perkahwinan di Bandar Marang, Terengganu. Beliau dibantu oleh dua orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM1 500 seorang.

Beliau bercadang membuat pinjaman bank RM120 000 pada bulan Oktober 2023 untuk membesarkan perniagaannya. Sebagai syarat untuk kelulusan pinjaman, beliau diminta untuk membuat perancangan berkenaan penerimaan dan pembayaran untuk tiga bulan berakhir 31 Disember 2023.

Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan pada 1 Oktober 2023:

	RM
Tunai di tangan	1 000
Tunai di bank	30 000
Akaun Belum Terima	10 400
Kenderaan	60 000

Anggaran penerimaan dan pembayaran adalah seperti berikut:

- (i) Belian alatan perkahwinan pada bulan Oktober adalah RM15 000 dan dijangka meningkat 8% sebulan daripada bulan sebelumnya.
- (ii) Anggaran Jualan:

Oktober RM	November RM	Disember RM
30 000	35 000	45 000

70% daripada jualan adalah secara tunai dan bakinya dijelaskan dengan tempoh kredit selama 1 bulan.

- (iii) Kelulusan pinjaman bank diperoleh dalam bulan Oktober dengan kadar faedah 4% setahun. Tempoh bayaran balik pinjaman selama 5 tahun dan bermula pada bulan berikutnya.
- (iv) Satu lot kedai RM150 000 dijangka akan dibeli dalam bulan November dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM30 000 dan bakinya dibayar secara ansuran selama 8 tahun.

- (v) Sebahagian kedai disewakan kepada Suasane Kafe sebanyak RM1 500 sebulan bermula bulan November.
- (vi) Pada bulan November berlaku permintaan yang tinggi terhadap gubahan hantaran perkahwinan. Seorang lagi pekerja diambil dengan bayaran gaji RM1 200 sebulan.
- (vii) Utiliti bagi bulan Oktober dianggarkan RM1 000 dan dijangka malar untuk dua bulan berikutnya.

Maklumat tambahan:

Penerimaan dan pembayaran sebenar bagi bulan Disember adalah seperti berikut:

	RM
Penerimaan:	
Jualan	45 000
Pembayaran:	
Gaji	5 000
Utiliti	800

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2023.
[17 markah]
- (b) Membuat perbandingan dan menentukan prestasi perniagaan bagi bulan Disember 2023.
[3 markah]

- 5 (a) Kilang Arjuna adalah pengeluar pakaian yang baru memulakan operasi di Pusat Perindustrian Alor Gajah, Melaka pada 1 Januari 2022. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan kilang pada 31 Disember 2022:

	RM
Belian bahan langsung	95 300
Angkutan masuk bahan langsung	2 400
Angkutan keluar	1 500
Sewa	15 400
Utiliti kilang	13 400
Loji dan mesin	84 000
Upah tak langsung	22 200
Upah langsung	30 000
Pulangan belian bahan langsung	2 150
Insurans	4 800
Inventori pada 31 Disember 2022:	
Bahan langsung	8 950
Kerja dalam proses	7 670

Maklumat tambahan:

- (i) Insurans prabayar RM400.
- (ii) Sewa belum bayar RM1 400.
- (iii) Upah lebih masa sebanyak RM5 300 belum diambil kira.
- (iv) 70% daripada insurans dan sewa adalah untuk kilang dan bakinya untuk pejabat.
- (v) Loji dan mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

(vi) Dokumen berikut belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.

No: 1543		
BAUCAR PEMBAYARAN		
Kilang Arjuna Pusat Perindustrian Alor Gajah, 78000 Alor Gajah, Melaka 06-5548940		
Kepada:		
Perbadanan Hak Intelek Malaysia Unit 1-7 Ground Floor, Menara UOA Bangsar, No.5, Jalan Bangsar utama 1, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia		
		Tarikh: 31 Disember 2022
Bil.	Butir	Jumlah RM
1.	Pembayaran paten dagangan	1 000
Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja		
Tunai No. Cek MBB226459		
<i>Deraman Ahamad</i> (Penerima)		<i>Arjuna</i> (Pengurus)

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

[12 markah]

- 5 (b) Khayra dan Damia adalah pekongsi dalam perniagaan Butik KD yang beroperasi di Pekan Alor Gajah, Melaka. Mereka berkongsi untung atau rugi secara sama rata. Pada 30 Jun 2023, mereka bersetuju untuk membubarkan perniagaan.

Maklumat kewangan berikut diperolehi pada tarikh pembubaran.

	RM	RM
Premis	75 000	
Alatan pejabat	25 000	
Inventori	16 500	
Perabot	25 000	
Akaun Belum Terima	10 700	
Akaun Belum Bayar		31 200
Bank	20 000	
Modal:		
Khayra		70 000
Damia		70 000

Perkara-perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Premis dijual mengikut nilai buku manakala inventori dan perabot dijual dengan harga RM20 500.
- (ii) Alatan pejabat diambil alih oleh Khayra pada harga RM14 300.
- (iii) Wang sebanyak RM10 000 dapat dikutip daripada Akaun Belum Terima.
- (iv) Khayra bertanggungjawab menjelaskan sepenuhnya Akaun Belum Bayar dan menerima diskaun sebanyak RM200.
- (v) Bil elektrik RM1 000 baharu dijumpai dan dijelaskan sepenuhnya pada tarikh pembubaran.
- (vi) Proses pembubaran melibatkan perbelanjaan RM2 500.
- (vii) Semua pembayaran dan penerimaan dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Realisasi Butik KD.

[8 markah]

- 6 (a) Puan Amna menjalankan perniagaan Amzana Enterprise yang menjual kasut sukan di Ipoh, Perak. Baki berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 1 Mei 2023.

	RM
Kenderaan	60 800
Tunai di bank	10 500
Tunai di tangan	2 350
Akaun Belum Terima: Micos Mort Sport	3 450
Akaun Belum Bayar: Adibas Sport Sdn. Bhd	2 550

Dokumen-dokumen berikut menunjukkan urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Mei 2023.

No. 768764		
BAUCER PEMBAYARAN		
Amzana Enterprise No 21, Jalan Meru Mahligai 30020 Ipoh		
Tarikh : 1 Mei 2023		
Kepada: Kerani Kewangan		
Butir	Jumlah (RM)	Tandatangan
Tunai runcit	300.00	<i>Amna</i>
Jumlah	300.00	
(Ringgit Malaysia: Tiga ratus sahaja)		
Tunai / No. cek: RHC CB 634767		
		<i>Amna</i> Pengurus

DOKUMEN 1

Asal	No. 00987		
BIL TUNAI			
Adibas Sport Sdn. Bhd Jalan Pasir Puteh 31650 Ipoh Perak			
Kepada :		Tarikh : 05 Mei 2023	
Amzana Enterprise No 21, Jalan Meru Mahligai 30020 Ipoh			
Butir	Kuantiti (unit)	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
Kasut Sukan Sportly	20	30.00	600.00
Kasut kanak – kanak Hana	30	18.00	540.00
Jumlah			1 140.00
(Ringgit Malaysia: Seribu Enam Ratus Empat Puluh sahaja)			
Tunai / No.cek			
			<i>Zul</i> Pengurus

DOKUMEN 2

Salinan	No. 112345		
RESIT RASMI			
Amzana Enterprise No 21, Jalan Meru Mahligai 30020 Ipoh, Perak			
		Tarikh : 08 Mei 2023	
Diterima daripada: <u>Micos Mort Sport</u>			
Ringgit Malaysia : <u>Tiga ribu tiga ratus empat puluh sahaja</u>			
Bayaran untuk : <u>Bayaran sepenuhnya hutang</u>			
RM3 340.00			
Tunai / No. cek: CIMC 346782			
			<i>Amna</i> Pengurus

DOKUMEN 3

Tarikh : 15 Mei 2023

Penerima: Adibas Sport Sdn. Bhd

Kerana : Bayaran hutang

	Ringgit	Sen
Baki akhir	13 840	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	13 840	00
Cek ini	1 200	00
Baki	12 640	00

No. : 634768

Keratan Cek

DOKUMEN 4

No. 768765

BAUCAR PEMBAYARAN
Amzana Enterprise
No 21, Jalan Meru Mahligai
30020 Ipoh

Tarikh : 16 Mei 2023

Kepada: Zainab

Butir	Jumlah (RM)	Tandatangan
Upah pembersihan pejabat	600.00	<i>Zainab</i>
Jumlah	600.00	

(Ringgit Malaysia: Enam ratus sahaja)
Tunai / No. cek:

Amna
Pengurus

DOKUMEN 5

MAKLUMAN KREDIT**RHC Clic Bank Berhad**

26, Jalan Kekwa
30230 Ipoh Perak

Tarikh : 18 Mei 2023

Kepada :

Amzana Enterprise
No 21, Jalan Meru Mahligai
30020 Ipoh

No. Akaun : 0897686598

Sila ambil perhatian bahawa kami telah mengkreditkan akaun tuan seperti berikut:

Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Belas Sahaja

Perkara : Faedah atas simpanan tetap pada kadar 2.5% setahun.

RM215.00

Afrizal

Pengurus Cawangan

DOKUMEN 6**SLIP DAFTAR TUNAI**

Kedai Alat Tulis Perwira
123 Jalan Fair Park
31400 Ipoh Perak

Tarikh : 20 Mei 2023

Butiran	Harga seunit RM	Kuantiti (Unit)	Jumlah RM
Mesin Pencetak	400.00	1	400.00
Jumlah			400.00
Tunai			400.00
Baki			-

Terima kasih

DOKUMEN 7

No. Rujukan	:	SLE1235687
Status Transaksi	:	BERJAYA
Daripada akaun	:	0897686598- RHC Clic
Maklumat Penerima		
Bank penerima	:	BIMC Bank Berhad
Nama penerima	:	ZAMRI BIN ZAINAL ABIDIN
No. Akaun	:	145673498
Jenis transaksi	:	Bayaran gaji pekerja kedai
Rujukan 1	:	Gaji Bulan Mei 2023
Maklumat Pembayaran		
Amaun	:	RM2 500.00
Tarikh	:	30 Mei 2023

DOKUMEN 8 (Resit Perbankan Dalam Talian)

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai tiga lajur.

[11 *markah*]

6 (b) Baki-baki berikut diperoleh daripada Zulfa Enterprise pada 1 Mac 2023.

	RM
Alatan pejabat	2 400
Bank	32 400
Akaun Belum Terima	5 600
Inventori	10 500
Akaun Belum Bayar	7 900

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Mac 2023.

- (i) Menjual barang niaga secara kredit RM3 400 kepada Rumah Anak-anak Yatim Sakinah.
- (ii) Cek yang diterima bernilai RM560 daripada pelanggan telah dipulangkan oleh pihak bank dengan bertanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.
- (iii) Membayar kepada pembekal dengan cek RM4 000 untuk menyelesaikan hutang sebanyak RM4 200.
- (iv) Mengambil barang niaga RM250 untuk kegunaan peribadi.
- (v) Membayar utiliti dengan cek RM140.

Anda dikehendaki menyediakan Jadual Persamaan Perakaunan yang menunjukkan kesan urus niaga pada bulan Mac 2023. [9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

i-MODUL KEMECERLANGAN SPM SMKA DAN SABK 2023

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023**PRINSIP PERAKAUNAN****3756/2**

NAMA : _____

TINGKATAN : _____

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah			

Jawapan:
1 (a) (i)
(ii)
(b)
(c)
(d)
(e)

3 (a)					

3 (b)			

3 (c)			

3(d)			

3(e)			

4(a)			

4(b)

	SEBENAR (RM)	BELANJAWAN (RM)	PRESTASI (RM)
Penerimaan: Jualan			
Pembayaran: Gaji Utiliti			

5 (a)		

6(a)

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Diskaun diberi	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun diterima	Tunai	Bank
2023		RM	RM	RM	2023		RM	RM	RM

6(b)

PERSAMAAN PERAKAUNAN

	ASET				LIABILITI + EKUITI PEMILIK			
	Alatan Pejabat	Bank	Akaun Belum Terima	Inventori	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung bersih	Ambilan
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki								
(i)								
(ii)								
(iii)								
(iv)								
(v)								
Jumlah								

